

UMS dilantik perkhidmatan perunding bagi Sabah Minerals Development Blueprint (2023-2028)

UB 01.11.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi anak syarikat UMS Investment Holding Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding bagi Sabah Minerals Development Blueprint (2023-2028).

Sabah Minerals Development Blueprint (2023-2028) dibangunkan sebagai perancangan pembangunan dan strategik sumber mineral di negeri Sabah bagi tahun 2023 hingga 2028.

Ketua Projek Perunding, Profesor Madya Ts. Gs. Dr. Rodeano Roslee, berkata projek itu merangkumi kajian secara komprehensif terhadap sumber mineral Sabah, serta mengenal pasti langkah yang boleh diambil untuk menggalak dan meningkatkan pembangunan sumber itu.

Katanya, objektif utama projek itu adalah untuk bekerjasama secara profesional dalam konteks eksplorasi terhadap sumber mineral negeri dan menjadi rujukan kepada kerajaan negeri dalam mengoptimalkan sumber galian demi kepentingan Sabah.

"Ia bagi memastikan sumber mineral Sabah dibangunkan secara teratur dan mampan dengan kesan negatif yang minimum terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

"Selain itu, ia juga penting untuk memastikan pembangunan sumber mineral dengan menghasilkan peningkatan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat setempat serta negeri amnya, selain menggunakan pembangunan sumber mineral untuk menyokong dan mendorong *



METERAI: Rodeano (dua kiri) menerima surat pelantikan daripada Sabah Mineral Management Sdn. Bhd.

kepada perkembangan dan kepelbagaian aktiviti berasaskan mineral hiliran," katanya dalam satu kenyataan.

Majlis penyerahan surat pelantikan itu diadakan di Ibu Pejabat Sabah Mineral Management Sdn. Bhd,

Plaza Shell Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Tambah Rodeano, melalui pelaksanaan syor-syor

yang terkandung di dalam blueprint tersebut, Sabah diharap akan dapat mencapai visi untuk menjadi salah sebuah negeri perlombongan perdana di Malaysia.

"Blueprint ini akan meningkatkan sumbangan KDNK sektor mineral, pembuatan, pembinaan dan sosioekonomi selain menetapkan semula status Sabah sebagai pengeluar utama sumber mineral tertentu, dan membangun serta mencipta nilai optimum daripada potensi sumber mineral yang ketara untuk manfaat semua pihak berkepentingan di seluruh rantaian industri.

"Ia akan menjadikan Sabah mampu membangunkan bakat bertaraf dunia yang diperlukan, menjadi pusat kecemerlangan mineral pengetahuan dan pengurusan

sumber, mewujudkan tapak warisan perlombongan dan geosaintifik bertaraf dunia untuk mempromosikan bidang pelancongan serta menjadikan Sabah menjadi pemain kelas dunia dalam sektor sumber mineral berasaskan mineral pelaburan di luar negara," tambah beliau.

Pada majlis itu juga, UMS Investment Holding Sdn. Bhd yang diwakili oleh Francis Vincent Arifin dan Jotih Enggihon yang mewakili Sabah Mineral Management Sdn. Bhd. menandatangani 'Consultant Service Agreement (CSA)'.

Turut hadir Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Vilina Passon John dan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS, Profesor Dr. Jualang Gansau.